

**POTENSI QALBU DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN: KAJIAN MENURUT  
PERSPEKTIF ISLAM**

Norul Huda Binti Bakar<sup>1</sup>, Nurzatil Ismah Binti Azizan<sup>2</sup>, Nazneen Binti Ismail<sup>3</sup>  
Jabatan Undang-Undang, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Jabatan Usuluddin,  
Akademi Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

**ABSTRAK**

Qalbu adalah komponen kejiwaan yang dianugerahkan Allah SWT kepada manusia. Ia berperanan sebagai penentu kepada tingkah laku insan seperti yang digambarkan oleh hadis Rasulullah SAW. Bahkan, baginda menyifatkan buruk baik seseorang adalah bergantung kepada keputusan qalbunya. Justeru, kertas kerja ini bertujuan untuk mengupas peranan qalbu dalam membuat keputusan daripada perspektif Islam. Antara perbahasan utama kajian ini ialah konsep qalbu dan peranannya dalam diri manusia berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan unsur-unsur yang mempengaruhi qalbu dalam membuat keputusan. Analisis dibuat berdasarkan ayat al-Quran dan hadis terpilih di samping pandangan daripada ahli falsafah. Kajian ini juga menemukan bahawa qalbu tidak bersendirian dalam membuat satu-satu keputusan. Sebaliknya, ia telah dibekalkan dengan *dhamir* atau suara hati yang mempunyai ciri fitrah tauhid selain mendapat sokongan daripada nafsu dan akal. Pertarungan kejiwaan ini akhirnya menentukan sama ada manusia itu mengesakan Allah SWT atau mensyirikkan Nya.

**Kata kunci:** Potensi Qalbu, pembuat keputusan manusia, kejiwaan

## PENDAHULUAN

Terdapat tiga unsur utama dalam penciptaan manusia iaitu jasmani, rohani dan *nafsi* (kejiwaan). Unsur jasmani ialah bentuk fizikal manusia yang dapat dilihat dengan mata kasar, mampu bergerak atau digerakkan, mengalami proses pertumbuhan dan perkembangan yang boleh diukur. Ia bersifat material dan tidak mampu menanggapi perkara yang bersifat abstrak, sebaliknya unsur rohani mempunyai ciri yang bertentangan. Manakala roh pula bersifat ghaib, multi dimensi iaitu tidak dibatasi ruang dan waktu dan menjadi penggerak utama kepada jasad manusia. Perbahasan tentang roh pula terbahagi kepada dua bahagian iaitu yang pertama berkenaan zat roh manakala yang kedua ialah berkenaan kedudukannya yang mempunyai hubungan dengan jasad. Bahagian yang kedua disebut sebagai *al-Gharizah* atau *Nafsi*. Dengan erti kata lain, unsur *Nafsi* berperanan sebagai penghubung di antara unsur jasmani dan rohani manusia. Unsur *nafsi* terbahagi kepada tiga bahagian iaitu akal, qalbu dan nafsu. Di antara ketiga-tiga bahagian *Nafsi* ini qalbu memainkan peranan sebagai pemandu, pengawal dan pengendali struktur jiwa yang lain.<sup>1</sup>

## KONSEP QALBU

Perkataan qalbu adalah berasal daripada bahasa Arab iaitu (قلب) yang bermaksud jantung. Seperti mana yang dinyatakan oleh Ibnu Manzur, qalbu bermaksud segumpal daging dari *fu'ad* yang tergantung dengan urat besar tempat ia bergantung.<sup>2</sup> Menurut *al-Mu'jam al-Wasit* pula, qalbu membawa maksud organ berotot dalaman yang menerima darah daripada salur darah dan mengepam ke arteri.<sup>3</sup> Manakala menurut Imam al-Ghazali qalbu ialah daging yang berbentuk bundar memanjang yang terletak di sebelah kiri rongga dada. (Al-Ghazali 1997)

---

<sup>1</sup> Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. 2002. *Nuansa-nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

<sup>2</sup> Ibnu Manzur. 1968. *Lisan al-'Arab*. Beirut : Dar Sadar.

<sup>3</sup> Anis, Ibrahim. 1970. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah : Majma' al-Lughah al-Arabiyah.

Daripada maksud yang dinyatakan, ia menyamai pengertian jantung dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* iaitu organ berotot yang mengepam darah ke seluruh badan.<sup>4</sup> Begitu juga di dalam *Kamus A Dictionary of Modern Written Arabic* juga memberikan pengertian jantung dengan meletakkan perkataan *heart* bagi menterjemahkan maksud qalbu.<sup>5</sup> Melihat pentafsiran maksud qalbu menggunakan kamus bahasa Melayu pula, didapati qalbu dierangkan sebagai hati.<sup>6</sup> Mengikut *Kamus Dewan dan Bahasa* hati juga dimaksudkan sebagai kalbu, jantung dan batin iaitu tempat perasaan.<sup>7</sup>

Justeru, boleh dikatakan bahawa qalbu juga disebut sebagai hati dalam amalan bahasa Melayu yang menunjukkan gambaran sifat manusia dan bukan menunjukkan fungsi sebenar hati seperti baik hati, besar hati, berhati mulia dan sebagainya. Ini kerana fungsi dan struktur hati dan jantung dalam ilmu perubatan sangat berbeza.

Selain itu, Imam al-Ghazali juga menyebutkan bahawa qalbu itu bukan semata-mata organ jantung namun ia merupakan sifat yang terkandung di dalam diri manusia yang dapat membuat dan mempertimbangkan keputusan baik atau buruk.<sup>8</sup> Maka, keputusan yang diambil oleh qalbu ini berimplikasi dosa dan pahala.<sup>9</sup>

Kesimpulannya, qalbu bukan sahaja organ yang terpenting dalam badan manusia yang membekalkan darah ke seluruh badan, bahkan ia juga merupakan generator bagi seluruh anggota badan untuk beramal dan beribadat. Seterusnya menerima akibat daripada apa yang telah digerakkannya.

Lafaz qalbu juga terdapat di dalam al-Quran seperti firman Allah SWT yang bermaksud :

Sesungguhnya (keterangan-keterangan dan peristiwa-peristiwa) yang tersebut itu, tidak syak lagi mengandungi pengajaran bagi sesiapa yang mempunyai hati (yang sedar pada masa membacanya), atau yang

---

<sup>4</sup> Kamus Dewan dan Pustaka 2005

<sup>5</sup> Hans Wehr. 1974. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut : Maktabah Lubnan.

<sup>6</sup> Hussein Unang. 1994. *Kamus al-Tullab*. Kuala Lumpur : Dar al-Fikr.

<sup>7</sup> Kamus Dewan dan Pustaka. 2005. Kuala Lumpur: DBP.

<sup>8</sup> Al-Ghazali. 1988. *Ihya' 'ulum al-din*. Kaherah : Dar al-Tauzi'.

<sup>9</sup> Mubarok Ahmad. 2001. *Psikologi Qurani*. Jakarta : Pustaka Firdaus

menggunakan pendengarannya dengan bersungguh-sungguh (kepada pengajaran itu) dengan menumpukan hati dan fikiran kepada Nyा.

Ulama tafsir memberikan makna yang berbeza kepada lafaz qalbu dalam ayat tersebut. Menurut al-Farra' maksud qalbu dalam ayat tersebut ialah akal.<sup>10</sup> Manakala menurut Ibnu Kathir, qalbu adalah isi hati yang dapat memberikan kesedaran.<sup>11</sup> Pendapat daripada Imam al-Syawkani menyebutkan bahawa qalbu dalam ayat tersebut membawa maksud akal dan hati. Ini kerana dalam bahasa Arab *Qalb* boleh diertikan sebagai akal seperti dalam ungkapan مَا لَكَ قَلْبٌ yang bermaksud engkau tidak mempunyai akal fikiran. Ia juga membawa maksud hati itu sendiri kerana hati yang bersih sahaja dapat mengetahui hakikat dan berfikir sebaiknya.<sup>12</sup>

Dalam firman Allah SWT yang lain yang bermaksud :

Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya dengan melihat kesan-kesan yang tersebut mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar?

Maka jelas bahawa qalbu itu juga mempunyai akal yang mampu berfikir dan memahami baik dan buruk sesuatu. Qalbu yang di maksudkan itu tidak lain dan tidak bukan adalah qalbu yang berada di dalam dada iaitu jantung. Seperti firman Allah SWT yang bermaksud:

(Tetapi kalaullah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.

Dengan ini dapat disimpulkan bahawa qalbu yang dimaksudkan sama ada yang disebut di dalam al-Quran mahupun hadis Rasulullah SAW adalah merujuk kepada jantung yang berada di dalam dada manusia. Jantung ini berfungsi bukan sahaja

<sup>10</sup> Abadi, Majd al-Din Muhammad Ya'qub. 1986. *Basa'ir Dhawi al-Tamyiz fi Lata'if al-Kitab al-Aziz*. Kaherah: al-Majlis al-A'la li al-Syu'un al-Islamiyah wa lajnah Ihya' al-Turath al-Arabi.

<sup>11</sup> Ibnu Kathir. 2007. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut : Maktabah al-Asriyah.

<sup>12</sup> Al-Syawkani, Muhammad Ali Muhammad. 1994. *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub.

membekalkan darah ke seluruh anggota badan, bahkan ia juga mampu berfikir dan mengawal anggotanya untuk menjadi baik atau sebaliknya.

## PERANAN QALBU DALAM DIRI MANUSIA BERDASARKAN AL-QURAN

Qalbu merupakan satu organ yang sangat penting dalam diri manusia. Ini mempunyai peranan fizikal dan kerohanian, peranan qalbu yang paling penting adalah sebagai pengawal dan pengemudi organ-organ yang lain. Dari segi fizikal ia merupakan nadi utama dalam kehidupan manusia, menyalurkan darah ke seluruh badan supaya anggota badan dapat menjalankan peranan masing-masing. Difahami di sini bahawa qalbu merupakan jantung manusia dari segi fizikal. Manakala dari segi spiritual ia membawa peranan yang sangat besar sehingga boleh mempengaruhi kehidupan seseorang sama ada untuk beriman kepada Allah SWT atau mensyirikkan Nya.

Di dalam al-Quran, Allah SWT menyebut berkenaan qalbu sebanyak beberapa kali dalam pelbagai keadaan. Dalam kebanyakan keadaan Allah s.w.t menyebut dengan memasukkan kata nama diri sebagai golongan sasaran ayat tersebut. Berikut dijelaskan peranan qalbu dalam diri manusia yang disebut dalam al-Quran :

- 1) Qalbu sebagai pendorong manusia melakukan perbuatan baik atau buruk. Perbuatan yang baik akan menjadikan seseorang memiliki hati yang bersih dan suci manakala perbuatan yang buruk akan mendapat kemurkaan Allah SWT.

Terdapat enam perkataan *Qalbun* ( قلب ) dalam al-Quran. Kalimah ini dalam al-Quran menjelaskan berkenaan hati manusia dan dikaitkan dengan hati yang bersih dan suci, hati yang bertaubat dan sifat hati yang lemah lembut. Antaranya Allah mengarahkan agar Rasulullah SAW bersikap lemah lembut terhadap orang kafir, kerana jika bersikap kasar dan keras hati, mereka akan menjauhi (ali Imran 3:159). Kalimah ini juga dikaitkan dengan orang-orang yang menghadap Allah SWT dengan hati yang bersih (al-Syuara' 26:89) dan kembali kepada Allah SWT dengan hati yang suci (al-Saffat 37:84 ). Kalimah qalbu juga digunakan untuk hati yang bertaubat (Qaf 50:33 ) dan hati baik adalah yang dapat mengambil peringatan dan iktibar (Qaf 50:37).

Daripada ayat al-Quran yang membawa kalimah *Qalbun* ( قلب ) dapat difahami bahawa peranan hati adalah menjadikan seorang individu baik akhlak dan perbuatannya serta beriman dengan Allah SWT. Ia jelas apabila Allah SWT menyebut hati yang bersih

dan suci yang datang mengadap Allah SWT dan hati yang bertaubat daripada dosa-dosa yang lalu. Memiliki hati yang bersih, suci dan sentiasa bertaubat disertai sifat mahmudah akan mendatangkan keuntungan apabila bertemu dengan Allah SWT kelak. Sifat mazmumah jelas tidak disukai oleh Allah SWT dalam firman Nya “ Allah mengunci hati orang-orang yang sompong dan berlaku sewenangnya (Ghafir 40: 35 ).

2) Qalbu berperanan dalam menerima dan menolak hidayah Allah SWT.

Daripada analisis yang dilakukan terdapat beberapa kata ganti nama yang menjelaskan peranan hati dalam menerima dan menolak hidayah Allah SWT. Antaranya kalimah *Qulubukum* ( قُلُوبُكُمْ ) yang disebut sebanyak 15 kali di dalam al-Quran dan juga kalimah *Qulubuna* ( قُلُوبُنَا ) iaitu sebanyak enam kali. Peranan Qalbu adalah menerima hidayah Allah SWT kerana ia tunjang diri manusia dan bertanggungjawab dalam menerima perintah Allah s.w.t dan menolak larangan Nya. Ia jelas disebut dalam Firman Allah s.w.t (al-Qasas 28:10) apabila mengungkapkan perihal ibu Nabi Musa yang kesedihan apabila bayi yang dicintainya hanyut dibawa air. Sehingga hati dan fikirannya menjadi kosong melainkan hanya mengenangkan Nabi Musa. Apabila Allah SWT meneguhkan hatinya atas ketauhidan menjadikan ibu Nabi Musa kembali tenang. Ia sebagaimana yang disebut oleh Ibnu Abbas, Mujahid, Ikrimah, Sa’id bin Jubir, Abu ‘Ubaidah, Al-Dhahak, Al-Hasan al-Basri, Qatadah dan ahli tafsir yang lain.<sup>13</sup>

3) Qalbu berperanan mengkaji dan *tadabbur* ciptaan Allah SWT untuk mencapai tahap keimanan yang sebenar.

Kalimah *Qalbi* ( قَلْبِي ) dalam al-Quran hanya terdapat pada satu surah sahaja. Firman Allah “ Dan ingatlah ketika Ibrahim berkata “ Tuhanmu perlihatkanlah padaku bagaimana Engkau menghidupkan orang mati. Allah berfirman” Belum percayakah engkau? Dia ( Ibrahim menjawab ) Aku percaya tetapi agar hatiku tenang ( mantap ). Allah berfirman ; Ambillah 4 ekor burung lalu cincanglah kemudian masing-masing letak di satu bahagian bukit, kemudian pangillah mereka. Nescaya mereka akan

---

<sup>13</sup> Ibnu Kathir. 2007. *Tafsir al-Quran al-Azim*.

datang padamu dengan segera. Ketahuilah Allah Maha perkasa dan Maha bijaksana. (al-Baqarah 2:260).

Ayat ini menunjukkan Nabi Ibrahim AS hendak meningkatkan pengetahuannya *Ilmu Yaqin* ( ilmu yang diyakini ) kepada ‘Ain al Yaqin ( mencari bukti-bukti nyata yang dapat meningkatkan keyakinannya) dan ingin melihat proses penghidupan itu dengan matanya sendiri.<sup>14</sup> Ayat ini jelas memperlihatkan bagaimana hati mampu beriman dengan sebenar-benar iman dengan mempercayai dan mengakui kehebatan Allah SWT dalam menjadikan sesuatu, tambahan pula kejadian tersebut sangat mengujakan kerana manusia tidak mampu melakukannya. Hanya kuasa yang Maha Hebat mampu melakukannya.

4) Qalbu yang sentiasa bertaubat akan cenderung menerima kebenaran.

Kalimah *Qulubukuma* ( قلوبكم ) hanya terdapat satu sahaja di dalam al-Quran. Firman Allah s.w.t “Jika kamu berdua bertaubat pada Allah maka sungguh hati kamu telah condong untuk menerima kebenaran. Dan jika kamu berdua saling membantu dalam menyusahkan Nabi kerana Sesungguhnya Allah adalah Pembelanya; dan selain dari itu Jibril serta orang-orang yang soleh dari kalangan orang-orang yang beriman dan malaikat-malaikat - juga menjadi penolongnya. (al-Tahrim 66: 4 ). Ayat ini adalah berkenaan kisah rumah tangga Rasulullah SAW bersama Hafsa dan Saidatina Aisyah.

5) Qalbu perlu dipelihara daripada melakukan dosa supaya ia tidak mempunyai penyakit hati ( hasad dengki, sifat-sifat mazmumah dan maksiat-maksiat lain ).

Kalimah *Qalbihinna* ( قلبين ) dalam al-Quran hanya terdapat satu tempat di dalam al-Quran(al-Ahzab 33:53) yang mengisahkan adab-adab masuk ke rumah Rasulullah SAW. Apabila hadir ke rumah Rasulullah SAW, perlu meminta izin untuk masuk dan berurusan dengan isteri-isteri baginda SAW dengan berkeperluan dan dilakukan di sebalik tabir. Hal tersebut bagi memelihara kesucian hati muslimin dan para isteri baginda.

---

<sup>14</sup> Ibnu Kathir. 2007.

6 ) Qalbu berperanan menyimpan kepercayaan dan sikap sebenar seseorang terhadap sesuatu perkara.

Kalimah *Qulubuhum* ( قُلُوبُهُمْ ) dalam al-Quran disebut sebanyak 67 kali dan ia adalah jumlah yang paling banyak dalam al-Quran berkenaan Qalbu. Dalam al-Quran ketika menjelaskan kalimah ini berkisar tentang kaum Yahudi, Nasrani, munafik dan orang-orang Islam sendiri. Antaranya Firman Allah “Wahai Rasul, hendaklah kamu jangan disedihkan oleh orang-orang yang bersegera ( memperlihatkan ) kekafirannya, iaitu diantara orang-orang yang menyatakan dengan mulut mereka “ Kami telah beriman, padahal hati mereka belum beriman. (al-Maidah 5:41). Larangan Allah supaya tidak menjadikan Yahudi dan Nasrani sebagai sahabat dan bersekongkol dengan mereka adalah orang-orang yang hatinya mempunyai penyakit. Ini jelas disebut dalam firman Allah “ Maka kamu akan melihat orang-orang yang ada penyakit dalam hatinya ( orang-orang munafik ) bersegera mendekati mereka ( Yahudi dan Nasrani) seraya berkata “ kami takut akan mendapat bencana, mudag-mudahan Allah akan mendatangkan kemenangan ( kepada rasulnya) atau sesuatu keputusan dari sisinya. Maka kerana itu mereka menjadi menyesal terhadap apa yang mereka rahiaskan dalam diri mereka (al-Maidah 5:52).

## UNSUR-UNSUR YANG MEMPENGARUHI QALBU DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN.

Peranan qalbu sebagai struktur jiwa yang mampu memberi kesan kepada jasad manusia telah ditekankan oleh Rasulullah SAW menerusi sabdanya:

وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضِيَّةً إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ

الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلَا وَهِيَ الْقُلُبُ<sup>15</sup>

Yang bermaksud:

<sup>15</sup> al-Bukhari, Sahih, Kitab al-Iman, Bab Fadl Man Istabra' li Dinih, no. hadis 50.

Dan sesungguhnya dalam tubuh terdapat segumpal daging. Apabila ia baik maka seluruh tubuh menjadi baik, tetapi apabila ia rosak maka seluruh tubuh menjadi rosak. Ketahuilah bahawa ia adalah Qalbu.

Secara tidak langsung, hadis ini menjelaskan bahawa kehidupan manusia akan menjadi baik dan sesuai dengan fitrah asal sekiranya qalbu yang dimiliki berfungsi dengan baik. Ia adalah rentetan daripada ciri qalbu yang mempunyai nilai ketuhanan (*fitrah ilahiyyah*). Namun begitu, potensi qalbu tidak sentiasa menjadi tingkah laku yang baik. Sebaliknya ia sangat bergantung pada pilihan manusia itu sendiri.<sup>16</sup>

Tambahan pula, Qalbu mempunyai ciri mampu menanggapi hakikat sesuatu sehingga potensinya boleh dikembangkan mengatasi potensi akal. Ini kerana akal dengan sifatnya yang rasional hanya mampu menanggapi perkara-perkara yang bersifat *hissi* atau boleh dikesan dengan pancaindera. Sedangkan Qalbu boleh menanggapi pelbagai perkara termasuklah yang bersifat metafizik. Atas sebab inilah, Qalbu menjadi alat untuk memperoleh perkara yang bersifat iktikad, hidayah, ketakwaan dan rahmat serta mampu memikirkan dan merenungkan sesuatu.<sup>17</sup>

Dalam proses manusia membuat keputusan, tiga struktur jiwa akan saling bersaing di antara satu sama lain. Menurut Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir (2002), sekiranya qalbu yang menepati fitrah Ilahi dapat mendominasi jiwa ia akan melahirkan keperibadian yang tenang (*al-Nafs al-Mutmainnah*). Manakala apabila jiwa tersebut didominasi oleh akal, ia akan melahirkan keperibadian yang tidak stabil atau sentiasa dalam keraguan (*al-Nafs al-Lawwamah*). Seterusnya jika jiwa itu didominasi oleh nafsu, akan lahirlah keperibadian yang jahat (*al-Nafs al-'Ammarah*). Namun begitu, ketiga-tiga struktur ini pada hakikatnya saling berinteraksi di antara satu sama lain. Hasil daripada interaksi ini terbentuklah keperibadian manusia. Keperibadian ini pula boleh berpindah dari satu bentuk kepada bentuk yang lain. Untuk mendapatkan keperibadian yang lebih baik daripada keperibadian yang kurang baik, maka manusia memerlukan rahmat dan hidayah Allah SWT.

Ini kerana qalbu tidak sentiasa melakukan perkara yang positif. Sebaliknya dalam sesetengah keadaan qalbu turut memainkan peranan dalam mengarah kepada

<sup>16</sup> Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. 2002. *Nuansa-nuansa Psikologi Islam*.

<sup>17</sup> Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. 2002.

perkara yang negatif. Ia adalah rentetan daripada kebergantungan qalbu kepada *dhamir* yang merupakan daya *fitriah* berperanan sebagai pengendali perkara benar dari yang salah dan perkara baik dari yang buruk. Ia merupakan sumber keperibadian baik dalam diri seseorang kerana dipimpin secara langsung oleh roh. Justeru, apabila *dhamir* mampu berfungsi dengan tepat maka ia akan melahirkan keperibadian yang menunaikan janji di depan Allah s.w.t di *alam mithaq*. Jika tidak, maka qalbu akan dipengaruhi oleh struktur jiwa yang lain.<sup>18</sup>

Ahmad Amin (1952) menyebut *dhamir* sebagai suara hati atau dalam bahasa Inggeris diberi istilah *conscience*. Beliau menjelaskan suara hati sebagai satu bentuk daya dalam diri manusia yang memperingatkan perbuatan buruk dan usaha untuk mencegah perbuatan itu. Namun, jika suara hati ini tidak dipatuhi maka ia akan mencetuskan rasa gelisah dan menyesal dalam diri atas perlakuan buruk itu.

Dalam falsafah akhlak Islam, unsur yang menjadi pemangkin kepada qalbu ini disebut sebagai akhlak. Ahli falsafah Islam seperti Ibn Maskawaih dan Imam al-Ghazali berpandangan bahawa akhlak ialah hal kejiwaan (disposisi) yang mantap dalam diri (qalbu) manusia dan merangsang segala perbuatan tanpa melibatkan daya pemikiran. Disposisi ini bukan merupakan ilmu tentang kebaikan atau keburukan sesuatu, ia juga tidak mempunyai kuasa dalam mengarahkan seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan sama ada baik atau buruk. Ia adalah dimensi rohani yang sangat penting kerana menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia.<sup>19</sup> Apabila disposisi ini mampu menghasilkan perbuatan yang menepati syarak dan fitrah qalbu, maka disposisi tersebut dinamakan akhlak yang baik. Tetapi jika ia menghasilkan perbuatan yang bertentangan syarak dan fitrah qalbu, maka ia dinamakan akhlak buruk.

Ini bermakna akhlak boleh mengalami perubahan sama ada ke arah baik ataupun buruk kerana ia bersifat responsif terhadap pendidikan dan latihan.<sup>20</sup> Suara hati atau akhlak ini akan semakin berkembang melalui pendidikan sebaliknya peranannya akan semakin melemah atau mati jika tidak disuburkan dengan

---

<sup>18</sup> Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. 2002; Mohd. Nasir Omar. 2010. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>19</sup> Mohd. Nasir Omar. 2010. *Falsafah Akhlak*.

<sup>20</sup> Mohd. Nasir Omar. 2010.

pendidikan.<sup>21</sup> Justeru, pendidikan merupakan pelengkap kepada potensi akhlak di samping penciptaan manusia yang telah pun sedia dibekalkan dengan pilihan dan panduan. Melaluinya, seseorang itu akan membuat keputusan sama ada untuk mentaati Allah SWT atau sebaliknya.<sup>22</sup>

Firman Allah SWT yang bermaksud:

Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya); serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahanat, dan yang membawanya kepada bertakwa.

Oleh kerana itu, menjadi kewajipan setiap individu untuk bersungguh-sungguh mencari hidayah Allah SWT dengan menuruti petunjuk yang telah digariskan Nya. Dengan harapan, kesungguhan dan usaha ini akan membawaikan kebaikan kepada dirinya seperti janji Allah SWT dalam firman Nya yang bermaksud:

dan orang-orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredhaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah berserta orang-orang yang berusaha membaiki amalannya.

Usaha ini juga perlu disertai dengan doa yang tulus di samping mencari ilmu pengetahuan yang benar.<sup>23</sup> Ini bermaksud seseorang berpotensi untuk merubah akhlak atau situasi dalam jiwa mereka. Walaupun tahap pencapaian manusia dalam menerima pendidikan dan perubahan adalah berbeza-beza, tetapi jika mereka dibiarkan tanpa sebarang latihan atau pendidikan, maka mereka akan membesar dan kekal berkelakuan seperti pada zaman kanak-kanak.<sup>24</sup> Oleh sebab itu, manusia secara

---

<sup>21</sup> Ahmad Amin. 1952. *Ethika (Ilmu Akhlak)*. Terj. Farid Ma'ruf. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

<sup>22</sup> Abdullah Gymnastiar. 2002. *Meraih Bening Hati Dengan Manajemen Qolbu*. Pnyt. Dendi Irfan dkk. Jakarta: Gema Insani Press.

<sup>23</sup> Abdullah Gymnastiar. 2002. *Meraih Bening Hati Dengan Manajemen Qolbu*.

<sup>24</sup> Mohd. Nasir Omar. 2010; Ahmad Amin. 1952. *Ethika (Ilmu Akhlak)*. Terj. Farid Ma'ruf. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

fitrahnya sangat memerlukan agama khususnya Islam yang berfungsi untuk mereformasi akhlak manusia sesuai dengan tujuan perutusan Rasulullah SAW sebagai penyempurna akhlak. Pendidikan yang dilakukan dengan tepat menurut syariat akan membantu manusia dalam mengawal hal-hal kejiwaan supaya berada pada tahap sederhana. Membudayakan diri dengan pendidikan agama adalah satu kewajipan bagi setiap institusi keluarga bagi memastikan generasi yang terhasil terdiri dari kalangan mereka yang berperibadi mulia.

Di sebalik perbahasan ini, terdapat juga fahaman di kalangan masyarakat bahawa urusan hidayah ini adalah milik Allah SWT semata-mata. Kefahaman sebegini menyebabkan mereka beranggapan bahawa tidak perlu melakukan sebarang usaha untuk mendapat hidayah seandainya telah tercatat bahawa hidayah itu bukan milik mereka. Sedangkan dalam membicarakan persoalan ini, terdapat satu hadis yang panjang berkenaan perbualan di antara Rasulullah SAW dengan para sahabat baginda. Maksud hadis tersebut adalah seperti berikut<sup>25</sup>:

Pada suatu hari, Rasulullah SAW duduk dan di tangannya ada sebatang kayu digunakan untuk mencungkil tanah lalu baginda mengangkat kepalanya dan berkata: “Tidak ada seorang pun daripada kalangan kamu melainkan telah diketahui tempat tinggalnya sama ada di dalam neraka atau syurga”. Para sahabat bertanya: “ Wahai Rasulullah SAW! Kalau begitu mengapa kami perlu beramal. Tidak bolehkah kami berserah kepada qadar Allah SWT sahaja? Baginda menjawab: Beramallah, setiap kamu dipermudahkan beramal mengikut qadar yang telah ditetapkan. Kemudian, baginda membacakan firman Allah SWT yang bermaksud:

Adapun orang yang memberikan apa yang ada padanya ke jalan kebaikan dan bertakwa (mengerjakan suruhan Allah s.w.t dan meninggalkan segala larangan Nya), serta ia mengakui dengan yakin akan perkara yang baik, maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesenangan (syurga). Sebaliknya orang yang bakhil (daripada berbuat kebajikan) dan merasa cukup dengan kekayaan dan kemewahannya, serta ia mendustakan perkara yang baik,

---

<sup>25</sup> Muslim, Sahih, Kitab al-Qadr, *Bab Kayfiyat Khalq al-Adamiy fi Batn Ummih*, no. hadis: 4786.

maka sesungguhnya Kami akan memberikannya kemudahan untuk mendapat kesusaahan dan kesengsaraan.

Islam sebagai agama yang realistik dan unggul sama sekali tidak menzalimi sesiapa pun. Allah SWT telah mengemukakan kebenaran dan hakikat segala sesuatu hanya manusia diberikan peluang untuk membuat penilaian berdasarkan kelebihan akal dan qalbu yang ada pada mereka.

Seiring dengan ini, para ulama seperti Imam al-Ghazali telah menggariskan panduan sebagai langkah-langkah meraih hidayah Allah SWT berdasarkan al-Quran dan al-sunnah. Antara kaedah yang dicadangkan ialah proses mujahadah dan riadah iaitu melazimkan diri dengan akhlak mulia melalui latihan secara bersusah payah. Seterusnya ialah kaedah pemerhatian dan pergaulan khususnya dengan orang-orang soleh. Ini kerana secara tabii manusia bersifat meniru sama ada secara sedar atau tidak. Termasuk dalam kaedah ini juga ialah pembacaan buku-buku sejarah, perjuangan dan akhlak tokoh-tokoh tersohor. Antara lain ialah kaedah muhasabah iaitu memeriksa kelemahan diri untuk tujuan memperbaiki kelemahan tersebut.<sup>26</sup> Hakikatnya apa yang disebut oleh Imam al-Ghazali ini telah dijelaskan oleh Allah s.w.t dalam al-Quran.

Daripada huraian ini, jelas bahawa qalbu tidak bergerak sendirian dalam membuat keputusan dan pilihan dalam hidup manusia. Meskipun ia berperanan sebagai penggerak kepada jasad, tetapi ia masih bergantung kepada unsur lain yang terdapat di dalamnya. Oleh itu, seseorang perlu berusaha untuk menonjolkan fitrah qalbu yang suci dan menepati syariat Allah SWT agar dapat membentuk keperibadian mulia.

## KESIMPULAN

Qalbu merupakan salah satu organ yang mempunyai kelebihan yang sangat menguntungkan seseorang jika benar penggunaannya. Malah sebaliknya ia akan menjadi wasilah kepada manusia untuk jauh daripada ajaran Islam jika tidak diberi

---

<sup>26</sup> Mohd. Nasir Omar. 2010.

input yang baik. Ia membawa peranan dan tanggungjawab yang sangat besar sehingga dengan hati yang suci dan mulia manusia dapat mengenal Allah SWT, berfikir akan alam ciptaan Allah seterusnya menanam pasak keimanan yang utuh dalam diri manusia.

Qalbu mampu mempengaruhi manusia dalam melakukan sesuatu perkara sama ada perkara baik atau sebaliknya. Ia didorong oleh kecenderungan hati sama ada hati yang menerima hidayah Allah s.w.t atau hati yang jauh daripada hidayah Allah SWT. Qalbu juga menentukan kebahagiaan manusia di dunia dan akhirat dengan mempengaruhi jasad untuk taat pada perintah Allah s.w.t dan menjauhi laranganNya. Dengan pilihan yang dibuat oleh qalbu untuk taat pada Allah s.w.t akan diberi ketenangan di dunia walaupun berhadapan dengan pelbagai ujian hidup dan kebahagiaan di akhirat dengan diberi ganjaran syurga.

## RUJUKAN

*Al-Quran al-Karim.*

Abadi, Majd al-Din Muhammad Ya'qub. 1986. *Basa 'ir Dhawi al-Tamyiz fi Lata'if al-Kitab al-Aziz*. Kaherah: al-Majlis al-A'la li al-Syu'un al-Islamiyah wa lajnah Ihya' al-Turath al-Arabi.

Abdul Mujib & Jusuf Mudzakir. 2002. *Nuansa-nuansa Psikologi Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

Abdullah Gymnastiar. 2002. *Meraih Bening Hati Dengan Manajemen Qolbu*. Pnyt. Dendi Irfan dkk. Jakarta: Gema Insani Press.

Ahmad Amin. 1952. *Ethika (Ilmu Akhlak)*. Terj. Farid Ma'ruf. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Anis, Ibrahim. 1970. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Kaherah : Majma' al-Lughah al-Arabiyyah.

Al-Ghazali. 1988. *Ihya' 'ulum al-din*. Kaherah : Dar al-Tauzi'.

Hans Wehr. 1974. *A Dictionary of Modern Written Arabic*. Beirut : Maktabah Lubnan.

Hussein Unang. 1994. *Kamus al-Tullab*. Kuala Lumpur : Dar al-Fikr.

Ibnu Kathir. 2007. *Tafsir al-Quran al-Azim*. Beirut : Maktabah al-Asriyah.

Ibnu Manzur. 1968. *Lisan al-'Arab*. Beirut : Dar Sadar.

Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. Kuala Lumpur: DBP.

Mohd. Nasir Omar. 2010. *Falsafah Akhlak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mubarok Ahmad. 2001. *Psikologi Qurani*. Jakarta : Pustaka Firdaus

Muhammad Fuad Abd al-Baqi. 1996. *Al-Mu'jam al-Mufahras Li al-Alfaz al-Quran al-Karim*. Kaherah : Dar al-Hadis

Al-Syawkani, Muhammad Ali Muhammad. 1994. *Fath al-Qadir*. Beirut: Dar al-Kutub.